

Puad: PAS, Umno banyak persamaan
Malaysiakini.com
May 13, 2011

Dua parti politik terbesar orang Melayu - Umno dan PAS - mempunyai banyak persamaan terutama dari segi pendidikan, ekonomi dan agama, kata ahli Majlis Tertinggi Umno, Mohd Puad Zarkashi.

Oleh itu, katanya, cadangan untuk mewujudkan perpaduan hasil kerjasama antara dua parti itu tidak mustahil untuk menjadi kenyataan.

Katanya, perpaduan rakyat khususnya orang Melayu perlu dilihat dari sudut positif, dan sebab itulah, satu pendekatan terbaik perlu dicari bagi mewujudkan kerjasama antara Umno dan PAS.

Mohd Puad, yang juga timbalan menteri pelajaran, menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya cadangan kerjasama antara Umno dan PAS itu adalah kerana Umno telah lemah.

Menurutnya, tidak timbul soal siapa menang siapa kalah atau siapa kuat dan siapa lemah berhubung kerjasama antara Umno dan PAS.

"Yang penting dalam hal ini, masing-masing hendaklah ikhlas seperti yang disarankan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebelum ini," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan persidangan perwakilan Wanita Umno Bahagian Bachok hari ini.

Hadir sama Ketua Umno bahagian Bachok, Datuk Dr Awang Adek Hussin yang juga timbalan menteri kewangan.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/164086>